

CNS3922
U GB 17-02 00168 BH902
aab

Mahathir-ucapan
KERAJAAN BANGLADESH CETAK 5,000 SALINAN UCAPAN "DEMOKRASI" MAHATHIR
Daripada Azman Ujang

I

DHAKA, 17 Feb (Bernama) -- Kerajaan Bangladesh begitu tertarik dengan ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai demokrasi yang dibuatnya semasa lawatan ke negara ini sehinggakan ia akan mencetak 5,000 salinan ucapan itu untuk diedarkan.

Menteri Perdagangan M.K. Anwar berkata pada Selasa bahawa beliau telah meminta daripada Kementerian Luar salinan teks ucapan itu yang beliau anggap sebagai "ucapan penting".

"Kami akan mencetak 5,000 salinan ucapan itu untuk diedarkan kepada para pegawai kerajaan dan pemimpin Parti Nasionalis Bangladesh yang memerintah," katanya kepada Bernama di pejabatnya di sini.

Dalam ucapan itu, Dr Mahathir berkata demokrasi tidak bererti jika ia gagal meningkatkan taraf hidup rakyat dan jika rusuhan dan huru-hara menjadi satu amalan hidup.

"Sebuah kerajaan yang sah yang dipilih menerusi proses demokrasi sepatutnya menjurus kepada penggalakan, dan tidak gangguan, kepada aktiviti sosial, politik dan ekonomi," kata Dr Mahathir. -- Lagi

♥17/02/20-51MST

CNS3923
U GB 17-02 00157 BH903
aab

Mahathir-ucapan 2 Dhaka

Ucapan itu, yang dibuat pada satu majlis warna-warni ketika Dr Mahathir dihadiahkan dengan kunci simbolik bandaraya Dhaka, dipuji oleh para pegawai kerajaan Bangladesh, media massa dan diplomat.

Menurut beberapa wartawan tempatan, tema ucapan Dr Mahathir mencerminkan kebimbangannya bagi negara-negara membangun yang tidak mampu memajukan ekonomi untuk kebaikan rakyat mereka disebabkan politik tidak stabil dan keadaan sosial yang huru-hara.

Anwar berkata: "Bangladesh menganggap Dr Mahathir bukan sahaja seorang pemimpin terkemuka negara-negara Islam tetapi juga di kalangan negara-negara membangun."

Menteri Perdagangan Bangladesh itu berkata pendirian tegas Dr Mahathir berhubung kepentingan negara-negara membangun di forum-forum antarabangsa menjadikannya seorang pemimpin unggul bagi negara Selatan.

Anwar, seorang bekas pegawai tinggi kerajaan Bangladesh sebelum dilantik menganggotai Kabinet dua tahun lepas, mengimbas kembali sidang kemuncak Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) di Kuwait beberapa tahun lepas yang menyaksikan Dr Mahathir sebagai satu-satunya ketua kerajaan yang tidak mementingkan protokol. -- Lagi

♥17/02/20-55MST

CNS3924

U GB 17-02 00161 BH904

aab

Mahathir-ucapan 3 Dhaka

"Walaupun ketua-ketua kerajaan di sidang kemuncak itu mempunyai bilik khas untuk kegunaan mereka, Dr Mahathir merupakan satu-satunya pemimpin yang datang ke kafeteria untuk berbual dengan pegawai-pegawai tinggi rombongan, termasuk saya sendiri," katanya.

Bangladesh, katanya, menyokong pendapat Dr Mahathir bahawa tidak ada satupun negara membangun yang boleh mengamalkan "demokrasi yang sempurna" seperti yang difahami di Barat.

Anwar, yang mengadakan perbincangan dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz di sini pada hujung minggu, berkata beliau bersetuju kepada satu cadangan oleh Rafidah bahawa satu Minggu Bangladesh diadakan di Kuala Lumpur pada tahun ini untuk menggalakkan barangan Bangladesh di pasaran Malaysia.

"Selain mengadakan pameran barangan, ada juga acara kebudayaan dan promosi pelancongan untuk memperkenalkan Bangladesh kepada rakyat Malaysia. Ini merupakan kali pertama kita berbuat begitu di Malaysia.

"Kehadiran Dr Mahathir di Bangladesh telah mencetuskan minat dan dimensi baru dalam hubungan antara kedua-dua negara," katanya. -- Lagi

♥17/02/20-59MST

CNS3926

U GB 17-02 00103 BH905

aab

Mahathir-ucapan 4 (Akhir) Dhaka

Beliau memberikan jaminan kepada ahli-ahli perniagaan Malaysia bahawa suasana pelaburan di Bangladesh sekarang lebih baik berikutan beberapa perubahan dasar untuk menarik pelaburan asing oleh kerajaan sekarang yang dipilih secara demokrasi.

Memandangkan Malaysia kini mengutamakan industri berteknologi tinggi, menteri Bangladesh itu berkata, industri berteknologi rendah atau sederhana tidak lagi sesuai bagi negara itu yang mencapai tahap pekerjaan yang maksimum dan kini terpaksa bergantung kepada beberapa negara, termasuk Bangladesh, untuk mendapatkan tenaga buruh.

"Ahli-ahli perniagaan Malaysia perlu menganggap Bangladesh sebagai lokasi untuk industri berteknologi rendah dan sederhana," katanya. -- Bernama

♥17/02/21-00MST